

**MESYUARAT JAWATANKUASA KUALITI UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA****KERTAS MAKLUMAN
LAPORAN PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN AKTIVITI
SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT (ISMS) TAHUN 2016****Tujuan**

1. Kertas ini disediakan bertujuan untuk memaklumkan kepada ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Universiti Putra Malaysia kali ke-27 mengenai pelaksanaan dan perancangan aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO/IEC 27001) Tahun 2016.

Latar belakang

2. Pengurusan Sistem Keselamatan Maklumat (ISMS) berlandaskan piawaian standard MS ISO/IEC 27001:2013 di peringkat UPM diwujudkan untuk mengurus sistem keselamatan maklumat selaras dengan semua peraturan keselamatan maklumat yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa bagi menjamin segala data yang berkaitan dengan skop ISMS dengan meminimumkan kesan insiden. ISMS ini juga bertujuan untuk memudahkan perkongsian maklumat sesuai dengan keperluan operasi Pusat Data, UPM. Objektif ISMS adalah untuk mengurus dan melindungi keselamatan maklumat selaras dengan keperluan dan ekspektasi pemegang taruh. Ia menekankan kepada konsep atau prinsip keselamatan maklumat iaitu pemeliharaan kerahsiaan, integriti dan kebolehsediaan. Audit Peringkat Pertama telah di adakan pada 24 Oktober 2012, disusuli oleh Audit Peringkat Kedua pada 19-20 Disember 2012. UPM telah berjaya memperolehi sijil ISMS bernombor AR5761 pada 4 Januari 2013.

3. Skop pensijilan ISMS UPM adalah seperti berikut:

- a. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra.
- b. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses Pendaftaran Baharu Prasiswazah.

- c. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah.

Laporan Perancangan dan Pelaksanaan Aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Tahun 2016

4. Jawatankuasa Kerja Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat telah merancang dan melaksanakan beberapa aktiviti penting berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO/IEC 27001) sepanjang tahun 2016 seperti berikut:

Bil	Aktiviti	Tarikh
1.	Perbincangan Hasil Penemuan Audit Pensijilan Semula Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO/IEC 27001)	15 Januari 2016
2.	Bengkel Pengukuhan Penggunaan Sistem The Malaysian Public Sector Information Security Risk Assessment (MYRAM APP 2.0	2 Februari 2016
3.	Perbincangan Perluasan Skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISMS Bersama CADe	5 Februari 2016
4.	Perbincangan Perluasan Skop Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat ISMS Bersama Naib Canselor	11 Mac 2016
5.	Mesyuarat Perluasan Skop ISMS Untuk Penilaian Pengajaran Secara Online (PPO)	10 Mac 2016
6.	Bengkel Pengurusan Identiti Pengguna (ID) dan Kata Laluan Sistem Maklumat Pelajar (SMP)	21 April 2016
7.	Bengkel Semakan Semula Penilaian Risiko Skop ISMS Tahun 2016	27 April 2016
8.	Audit Dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO/IEC 27001)	3-5 Mei 2016
9.	Audit Pemantauan oleh SIRIM	27-29 Ogos 2016

Syor

5. Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti, Universiti Putra Malaysia diminta:
 - 5.1 mengambil maklum mengenai perancangan dan pelaksanaan aktiviti Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS ISO/IEC 27001) Tahun 2016; dan
 - 5.2 mengambil tindakan sewajarnya berkaitan pelaksanaan Audit Dalaman pada 3 hingga 5 Mei 2016 dan Audit Pemantauan Semakan 1 oleh SIRIM pada 27 hingga 29 Ogos 2016.